

08 DEC 1997

OIC-Wawasan

MALAYSIA RANGKA DOKUMEN PENTING MASA DEPAN UMAT ISLAM

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

TEHRAN, 8 Dis (Bernama) -- Satu dokumen yang menggariskan wawasan masa depan umat Islam akan dikemukakan untuk perbincangan para pemimpin Islam pada sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang bermula di sini esok.

"Kenyataan Wawasan" itu akan menggariskan prinsip bagi 55 negara anggota OIC dalam meningkatkan kemajuan dan perpaduan umat Islam terutama dalam memasuki abad ke-21.

Malaysia menerajui usaha merangka dokumen itu yang telah mendapat sokongan banyak negara anggota sama ada dari kalangan negara-negara Arab, Asia dan Afrika.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia bekerjasama dengan Iran yang menjadi pengerusi persidangan untuk membuat pindaan akhir terhadap dokumen itu yang akan dikemukakan kepada para pemimpin Islam.

Persidangan kemuncak selama tiga hari itu yang akan turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan persidangan yang terakhir diadakan dalam abad ini. Ia merupakan persidangan kelapan sejak OIC ditubuhkan pada tahun 1969.

Dr Mahathir dijadualkan tiba di bandaraya ini pada pukul 5 petang ini waktu tempatan (9.30 malam waktu Malaysia). Ini merupakan kali ketiga beliau menghadiri persidangan berkenaan yang diadakan tiga tahun sekali.

Para Menteri Luar OIC yang mengadakan mesyuarat persediaan bagi persidangan kemuncak itu telah memberikan pandangan masing-masing mengenai kedudukan umat Islam sekarang serta cabaran masa depan pada sesi terakhir perbincangan mereka semalam.

Abdullah berkata Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas telah memaklumkan kepada rakan sejawatan mereka yang lain bahawa Malaysia sedang berusaha mengadakan satu kenyataan wawasan para pemimpin Islam mengenai masa depan umat Islam.

"Umumnya dalam kenyataan wawasan itu, kita menyatakan harapan bahawa umat Islam akan menjadi satu umat yang maju pada masa depan serta hidup dalam keadaan aman dan stabil," katanya kepada para wartawan Malaysia selepas berakhirnya mesyuarat para Menteri itu malam tadi.

Menurut beliau, apa jua masalah yang dihadapi oleh negara-negara Islam hendaklah diselesaikan secara rundingan dan mereka perlu mengelakkan sebarang bentuk kekerasan terutama berbentuk ketenteraan.

"Dalam hal ini, kita menekankan bahawa sebarang campur tangan terhadap masalah dalaman negara-negara anggota OIC tidak boleh diterima dalam apa jua keadaan," kata Abdullah yang berlepas ke Bonn, Jerman pagi ini untuk menghadiri persidangan mengenai pelaksanaan Perjanjian Damai Dayton bagi Bosnia dan Herzegovina yang diadakan esok.

Beliau akan kembali semula ke Teheran untuk menyertai sidang kemuncak itu yang pertama kali dianjurkan oleh Iran.

Dalam persidangan berita berasingan Menteri Luar Iran Dr Kamal Kharazzi berkata, wawasan itu juga mengandungi peranan yang boleh dimainkan oleh OIC pada masa depan.

Abdullah berkata, penekanan turut diberikan kepada perlunya negara-negara anggota memperluaskan kerjasama sebagai satu cara meningkatkan kemajuan mereka.

Wawasan itu juga menekankan pemuliharaan alam sekitar, kerjasama menghapuskan pengedaran dadah serta sebarang bentuk keganasan.

"Ini akan menjadi satu-satunya dokumen yang amat penting kerana ia menegaskan beberapa prinsip dan pendekatan bagi umat Islam pada masa sekarang dan akan datang," katanya.

Walaupun dokumen itu tidak mengikat negara-negara anggota daripada segi undang-undang, ia merupakan satu ikrar terhadap kesepakatan dan penerimaan mereka terhadap wawasan itu, kata Abdullah. -- BERNAMA

AZZ PR